

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA)

TARIKH: 24 OGOS 2017

MUKA SURAT: 30

Punca kebakaran dikenal pasti

MELAKA 23 Ogos - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri mengenal pasti masalah peralatan dan pendawaian elektrik menjadi faktor utama kepada kebakaran struktur di negeri ini.

Menurut Pengarah JBPM Melaka, Kamarulzaman Malik Abdullah, pada tahun 2015, jumlah kebakaran disebabkan oleh masalah itu ada 51 kes iaitu 60 peratus daripada keseluruhan punca kebakaran yang dikenal pasti.

"Namun, pada tahun lalu, ia telah meningkat kepada 72 kes atau bersamaan 48 peratus daripada keseluruhan punca kebakaran yang dikenal pasti.

"Sikap penghuni premis yang menggunakan peralatan elektrik secara tidak berhemah, penyambungan pendawaian oleh individu tidak kompeten selain penyelenggaraan yang tidak dilakukan secara berkala adalah penyumbang kepada punca kebakaran dan peningkatan statistik tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Perhimpunan Bulanan Ogos 2017 dan Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Kibar Jalur Gemilang peringkat JBPM negeri di sini.

Sementara itu, Kamarulzaman Malik memberitahu, tindakan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat adalah penting terutama perkara yang melibatkan mereka menggunakan peralatan dan pendawaian elektrik.

"Saya percaya masyarakat kini memandang tinggi terhadap kredibiliti pegawai-pegawai bomba yang bukan sekadar hebat memadam kebakaran, menyelamatkan mangsa ketika bencana, malah pakar dalam bidang sains forensik," katanya.